

18 MAY 2002

Abdullah-Saman

TINDAKAN SAMAN BOLEH SEBABKAN ANGGOTA DIPECAT, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Anggota Umno yang mengambil tindakan mahkamah sebagai bantahan terhadap keputusan yang dibuat parti boleh dipecat keanggotaannya, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Timbalan Presiden Umno itu berkata apa juga keputusan yang dibuat parti tidak boleh dipertikaikan dan adalah menjadi satu kesalahan jika mana-mana anggota Umno mengambil tindakan seperti menyaman anggota yang lain.

"Kalau ambil tindakan itu, ia adalah satu kesalahan yang boleh menyebabkan dia dipecat dari keahlian Umno," katanya dalam satu sidang media selepas merasmikan pembukaan pameran fotografi "Positive Lives, Positives Responses to HIV" di sini.

Abdullah ditanya mengenai saman yang difailkan oleh dua orang anggota Umno ke atas presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan setiausaha agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob kerana gagal mengisytiharkan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Klang bagi tahun 2001 dan 2002 sebagai tidak sah dan terbatal.

Saman tersebut difailkan bekas bendahari cawangan Pelabuhan Klang, Othman Ibrahim dan bekas anggota jawatankuasa cawangan Selat Selatan, Zulkifre Abu yang mahu mesyuarat perwakilan Umno bahagian itu bagi tahun lepas dan 2002 diadakan semula dan segala urusan termasuk pemilihan jawatankuasa bahagian dijalankan semula.

Permohonan saman itu dikemukakan di Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam.

Mengenai tindakan selanjutnya terhadap kedua-dua anggota terbabit, Abdullah yang juga pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno berkata beliau masih lagi menunggu surat mereka.

"Saya secara rasmi belum lagi menerima apa-apa surat dari pihak yang telah mengambil keputusan untuk menyaman presiden dan setiausaha agung," katanya.

Beliau turut ditanya mengenai cadangan parti pembangkang terdiri daripada PAS, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia untuk mengadakan satu logo pada pilihan raya yang akan datang tetapi dengan meminggirkan DAP dalam rancangan tersebut.

"Apa dia nak buat biarlah dia buat. Itu kebebasan dia tetapi apa pun logo tidak boleh melawan logo Barisan Nasional," katanya merujuk kepada logo dacing parti komponen tersebut.

Keputusan meminggirkan DAP daripada rancangan berkenaan pula membuktikan parti tersebut "tidak dapat menyertai" kumpulan pembangkang itu, katanya.

Abdullah juga diminta mengulas mengenai permintaan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula penggunaan sistem meritokrasi bagi pengambilan pelajar ke universiti awam berikutan kemerosotan mendadak jumlah pelajar Bumiputera dalam kursus-kursus kritikal.

Antara kursus-kursus kritikal yang dikenal pasti ialah pentadbiran perniagaan, perundangan, bahasa dan linguistik, ekonomi, sains, perubatan, farmasi, kejuruteraan elektrik, kimia, mekanikal dan pergigian.

Abdullah berkata kerajaan masih lagi belum membuat keputusan sistem apakah yang akan digunakan bagi pengambilan penuntut ke institut pendidikan tinggi awam (IPTA) pada masa depan.

Sistem meritokrasi masih lagi dalam tahun pengenalan dan kerajaan sedang melihat reaksi dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak mengenai

perkara tersebut, katanya.

-- BERNAMA  
MAD DC MOZ